

**Teks Ucapan Alu-aluan Naib Canselor diwakilkan kepada Prof Madya Dr Asmady Idris, Dekan Sekolah Sains Sosial di Majlis Sambutan Ekspedisi Mengelilingi Perairan Sabah Menaiki Bot UMS-Parangkang, pada 6 Mei 2009, jam 9:00 pagi, bertempat di Jeti IPMB UMS**

*Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalammualaikum warahamatullahi wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera  
Terimakasih saudari Pengacara Majlis*

Yang Berhormat Datuk Hj Nasir Tun Hj Sakaran  
Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sabah

**[ Terimakasih Yang Berhormat Datuk kerana sudi hadir ]**

Para Dekan dan Pengarah UMS

Para Jemputan Khas,

Ahli-Ahli Pelayaran kita yang diketuai oleh  
Prof Madya Dr Ismail Ali

Para Kakitangan UMS

Rakan-rakan Media,

Mahasiswa Mahasiswi

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Izinkan saya menyampaikan salam daripada YBhg Kol. Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor UMS, khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Hj Nasir Tun Hj Sakaran, Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sabah, di atas kesudian menghadiri Majlis Sambutan Ekspedisi Mengelilingi Perairan Sabah Menaiki Bot UMS-Parangkang, pada pagi yang bersejarah ini. Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor pada ketika ini sedang menghadiri Mesyuarat Kementerian di UMSKAL Labuan. Sehubungan itu, beliau telah meminta agar saya dapat mewakili beliau menyampaikan sedikit ucapan alu-aluan bersempena dengan majlis pada pagi ini.

Syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya juga ahli-ahli pelayaran bot UMS Parangkang telah selamat kembali ke UMS. Selama 18 hari dua orang warga UMS bersama-sama dengan empat orang ahli pelayaran yang lain meredah gelora dan gelombang ganas di lautan semata-mata dengan satu misi murni, yakni menjalankan penyelidikan mengenai warisan sejarah pelayaran yang merujuk kepada kehidupan masyarakat silam, yang wajar di renung dan diambil iktibar oleh masyarakat pada masa kini.

Melalui kajian yang telah dijalankan, sehingga kini belum lagi ada satu bukti sahih yang menunjukkan secara tepat bila dan dimanakah bermulanya budaya berperahu di Sabah. Rekod sejarah menunjukkan bahawa pembinaan dan penggunaan perahu secara formal sebagai sebahagian daripada budaya hidup masyarakat pelaut khususnya di kalangan Bajau

Laut di Semporna telah wujud kira-kira 500 tahun dahulu. Khususnya pada era Kesultanan Sulu iaitu setelah ianya berjaya mendapatkan tanah jajahan di utara dan pantai timur Sabah daripada Kesultanan Brunei.

Dengan kata lain, ekspedisi ini berupaya mengungkit kembali sejarah silam yang mula dilupakan disebabkan oleh pelbagai kesibukan hidup masyarakat pada hari ini. Justeru langkah UMS melancarkan ekspedisi seumpama ini setidak-tidaknya dapat menjadi medan untuk masyarakat kembali menyorot sejarah yang lama terpendam itu. Pada dasarnya, ekspedisi mengelilingi Sabah diadakan bertujuan untuk mengimbau dan menjelaki semula sejarah kegemilangan pelayaran bot parangkang di perairan Sabah khasnya dan kepulauan Borneo amnya pada suatu masa dahulu.

Ini adalah kerana Sejarah adalah merupakan suatu subjek yang cukup penting. Dimana melalui sejarahlah kita akan mengetahui tingkat kejayaan dan keupayaan kita. Bagaimana pada beberapa generasi yang lalu, kita pernah menguasai ekonomi dunia umpamanya. Seperti melalui perniagaan rempah dan bahan-bahan mentah lainnya. Seluruh ahli perniagaan dari Eropah dan timur jauh belseyar ke Nusantara termasuklah kepulauan Borneo, semata-mata kerana ingin mendapatkan sumber bahan mentah dari Negara kita pada masa itu.

Yang Berhormat Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan,

UMS sebagai gedung ilmu yang akan melahirkan modal insan, aset penting Negara di masa hadapan amat peka dan prihatin akan keperluan memastikan mahasiswa dan mahasiswinya sentiasa diberikan pengajaran yang mampu membentuk minda dan sahsiah mereka. Selain melalui aktiviti formal di bilik-bilik kuliah dan kegiatan ko kurikulum, para mahasiswa mahasiswi juga didedahkan dengan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka. Projek Bot UMS Parangkang mengelilingi perairan Sabah ini juga merupakan salah satu daripada pengisian tersebut, khususnya dalam ilmu berkaitan dengan maritim.

Saya percaya Prof Madya Dr Ismail Ali dan en Mosli Tarsat, selaku dua orang pensyarah dari Sekolah Sains Sosial, UMS akan berkongsi pengalaman mereka sewaktu menyampaikan kuliah-kuliah berkaitan. Semoga dengan perkongsian pengalaman itu akan menambah lagi pemahaman mereka.

Saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan jutaan terimakasih kepada Yang Berhormat Datuk Hj Nasir Tun Hj Sakaran, Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sabah di atas kelapangan masa dan seterusnya sudi menjadi tetamu kehormat di Majlis ini. Kepada tetamu-tetamu jemputan lainnya saya juga mengucapkan terimakasih diatas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan. Kepada seluruh warga UMS, kita wajar berasa bangga kerana UMS terus gemilang dengan pelbagai komitmen yang telah ditunjukkan oleh rakan-rakan kita termasuklah oleh dua orang ahli-ahli pelayaran kita ini. Semoga kejayaan mereka ini dapat kita contohi dimasa hadapan.

Sekian, wassallammualaikum wbt.

*Disediakan oleh jdBPK*